

Mata Pelajaran Umum baharu perkasa jati diri, peradaban mahasiswa

• Dalam landskap dunia semakin mencabar ekoran perubahan teknologi, globalisasi dan krisis nilai, pengukuhan pendidikan berteraskan pembinaan jati diri dan keharmonian insan menjadi keutamaan nasional

• MPU 2026 bukan sekadar mata pelajaran pelengkap dalam sistem pendidikan tinggi, sebaliknya berperanan sebagai wahana pembentukan watak, nilai dan identiti pelajar sebagai warganegara Malaysia berintegriti



Oleh Prof. Madya Dr. Mohamad Khadafi Ruffie
 bhrencana@bh.com.my

Landskap Pendidikan tinggi di negara ini tidak pernah tertumpu kepada aspek memperkasakan akademik, bahkan penumpuan diberikan untuk pemeraksanaan jati diri, nilai moral dan aspirasi perpaduan nasional.

Kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melaksanakan inisiatif dalam mengubah landskap pendidikan tinggi negara menerusi penambahbaikan Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) baharu yang memberi penekanan kepada pembinaan adab, nilai dan identiti negara bangsa.

Langkah ini dilihat tepat pada masa, khususnya ketika masyarakat berdepan pelbagai cabaran sosial, krisis nilai dan kekeliruan identiti dalam kalangan generasi muda. Kesungguhan kerajaan mengembalikan roh sebenar pendidikan tinggi dalam membina insan seimbang yang berilmu, beradab dan jati diri mulia.

Langkah ini selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang memperkasakan pendidikan sebagai satu usaha berteraskan dalam melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani (JERI) berasaskan kepercayaan kepada Tuhan.

Pelaksanaan inisiatif ini dilihat sebagai langkah strategik negara dalam usaha melahirkan masyarakat Malaysia yang bermilik jati diri dan berkemahiran, malah memiliki jati diri kukuh, sahsiah terpuji serta nilai kemanusiaan seimbang.

Dalam landskap dunia semakin mencabar ekoran perubahan teknologi, globalisasi dan krisis nilai, pengukuhan pendidikan berteraskan pembinaan jati diri dan keharmonian insan menjadi keutamaan nasional.

Dua MPU baharu ialah Aspirasi Pembangunan Negara Bangsa serta Falsafah dan Pemikiran Kontemporari. Kedua-duanya bukan sekadar subjek wajib lulus pengajian, sebaliknya dirangka sebagai wadah membentuk mahasiswa yang memahami tanggungjawab sebagai warganegara, mampu berfikir secara matang serta beradab dalam pergaulan dan perbezaan pandangan.

MPU 2026 bukan sekadar mata pelajaran pelengkap dalam sistem pendidikan tinggi, sebaliknya berperanan sebagai wahana pembentukan watak, nilai dan identiti pelajar sebagai warganegara Malaysia berintegriti.

Melalui penstrukturan semula MPU 2026, pendekatan lebih holistik, kontekstual dan berimpak tinggi diperkenalkan agar pembelajaran tidak hanya bersifat teoritikal semata, tetapi menekankan pembangunan sahsiah pelajar secara menyeluruh.

Mahasiswa bukan sahaja diasah dari aspek intelektual, malah diperkasa dari sudut emosi, rohani dan sosial. Elemen pembelajaran berasaskan pengalaman, khidmat komuniti, perbincangan isu semasa serta pembabitin aktif dalam masyarakat diperluaskan agar pelajar mampu menghubungkan ilmu dengan prakaliti kehidupan sebenar.

Antara penekanan utama MPU 2026 untuk meningkatkan nilai dan adab bagi membina inspirasi negara bangsa berteraskan integriti dan akhlak mulia. Dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia, penghayatan nilai hormat-menghormati, tanggungjawab sosial dan etika kehidupan amat penting bagi menjamin keharmonian nasional. Ia turut menekankan kefahaman terhadap sejarah, budaya, Perlembagaan serta prinsip asas kenegaraan yang menjadi tunjang kestabilan negara.

Tujuan penekanan ini adalah untuk melahirkan generasi mempunyai kecemerlangan hakiki, iaitu kejayaan seimbang antara pencapaian akademik dengan pembentukan akhlak. Dalam dunia pekerjaan hari ini, majikan tidak lagi menilai siswazah semata-mata berdasarkan kelulusan akademik, bahkan menitikberatkan nilai integriti, etika kerja, keupayaan berkomunikasi dan sikap profesional.

Platform penting

Justeru, MPU 2026 menjadi platform penting untuk membentuk siswazah holistik yang mampu menyumbang secara bermakna kepada organisasi dan masyarakat.

Antara kelebihan penambahbaikan dua komponen MPU 2026 ialah pemeraksanaan identiti negara bangsa dan perpaduan nasional dengan memastikan generasi muda memahami realiti kehidupan dalam masyarakat majmuk melalui pendedahan kepada sejarah-pembinaan negara, nilai Perlembagaan, prinsip Rukun Negara dan amalan hidup bersama, mahasiswa dididik untuk menghormati perbezaan agama, budaya dan pandangan.

Pendekatan ini membantu dalam membina sikap toleransi, saling menghormati dan kesediaan berdialog secara beradab, sekali gus mengelakkan prasangka serta polarisasi sosial yang boleh

menggugat keharmonian negara.

Seterusnya adalah meningkatkan tanggungjawab sosial dan kelestarian alam sekitar dengan memupuk kesedaran bahawa tanggungjawab menjaga alam bukan hanya isu teknikal, bahkan soal nilai dan etika.

Pelajar didedahkan kepada kepentingan kelestarian dalam pembangunan negara, termasuk penggunaan sumber secara berhemah, tanggungjawab terhadap generasi akan datang serta kesan tindakan manusia terhadap keseimbangan ekosistem.

Melalui pendekatan ini, pelajar dilatih berfikir secara kritis mengenai hubungan antara pembangunan, alam sekitar dan kesejahteraan manusia.

Penekanan juga diberikan kepada penggunaan teknologi dan media sosial secara beretika, bertanggungjawab dan beradab. Pelajar dibimbing untuk menilai kesahihan maklumat, mengelakkan penyebaran berita palsu serta menghormati privasi dan maruah orang lain di ruang siber. Kesedaran ini penting bagi membentuk warga digital matang dan berintegriti.

Dari sudut pembangunan modal insan, MPU 2026 baharu turut menyumbang kepada kemahiran insaniah seperti komunikasi berkesan, kepimpinan, kerja berpasukan dan penyelesaian konflik secara berhemah.

Kemahiran ini semakin penting dalam dunia pekerjaan yang menuntut siswazah berfikir terbuka, mampu bekerjasama dalam pasukan pelbagai latar belakang serta menyesuaikan diri dengan perubahan pantas.

Melalui MPU 2026 baharu, mahasiswa juga akan didedahkan kepada perbahasan isu semasa secara beradab, berfakta dan benar. Pendekatan ini membantu mereka menilai maklumat lebih teliti, mengelakkan penyebaran maklumat palsu serta membina budaya wacana sihat dalam masyarakat.

Kesimpulannya, penambahbaikan MPU 2026 menjadi manifestasi jelas pelaksanaan FPK dalam konteks pendidikan tinggi. Ia juga menjadi instrumen penting pembentukan insan seimbang, beradab, jati diri terpuji dan berintegriti.

Selain itu, ia berpotensi melahirkan generasi Malaysia bukan sahaja cemerlang mindanya, bahkan luhur budinya, sekali gus menjamin masa depan negara lebih harmoni dan berdaya tahan.

Penambahbaikan MPU 2026 menjadi manifestasi jelas pelaksanaan FPK dalam konteks pendidikan tinggi

